

30 SEP 2002

Karnataka-Malaysia/I

NEGERI SILIKON INDIA MINAT BELAJAR KEJAYAAN MALAYSIA

Oleh: D. Arul Rajoo

BANGALORE (INDIA), 30 Sept (Bernama) -- Karnataka, negeri silikon di India, kagum dengan kemajuan pesat Malaysia sejak tiga dekad lepas dan mahu mencontohi negara itu.

Menteri Teknologi Maklumat dan Pelancongannya D.B. Inamdar berkata Karnataka mahu mencontohi pengalaman Malaysia dalam menyediakan kehidupan berkualiti kepada rakyat serta pembangunan infrastruktur pelancongan negeri itu.

"Lawatan ke Malaysia berbaloi ...saya ke sana tahun lalu selepas 30 tahun. Kemajuan yang dicapai dan minat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dalam membangunkan negara, membuka mata kami di sini," katanya.

Inamdar yang menemui Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali yang melakukan lawatan ke sini, berkata kejayaan Malaysia boleh ditiru di sini menerusi kerjasama antara kedua-dua negara.

"Karnataka merupakan sebuah destinasi penting untuk perisian dan diperakui sebagai pemain dunia manakala Malaysia mempunyai banyak perkakasan. Kita wajar menggunakan kekuatan kita untuk menjalin usaha sama yang memberi manfaat bersama," katanya.

Tajol Rosli mengetuai delegasi 80 pegawai dalam misi perdagangan tujuh hari ke Karnataka, Andhra Pradesh dan Tamil Madu.

Inamdar berkata Karnataka sangat berminat mencontohi kejayaan Malaysia dalam pembangunan infrastruktur pelancongan yang kurang maju di sini.

"Kami mempunyai pantai dan hutan rimba yang menarik tetapi sektor pelancongan tidak dimajukan sepenuhnya seperti di Malaysia. Anda menjayakan pertunjukan budaya untuk pelancong tetapi kami tidak lakukan di sini... kami cuba menjayakannya sekarang," katanya.

Beliau berkata Karnataka dikunjungi 12 juta pelancong domestik tahun lepas berbanding 300,000 pelawat asing tetapi ia tidak termasuk jumlah besar rakyat asing yang datang ke sini untuk aktiviti berkaitan Teknologi Maklumat.

Inamdar berkata ahli perniagaan Malaysia disaran menyertai aktiviti pembangunan kemudahan pelancong di negeri itu dan berharap lawatan Tajol Rosli akan membuka ruang untuk usaha sama seperti itu.

Menurutnya delegasi perniagaan dari Karnataka akan melawat Perak tidak lama lagi untuk mengenal pasti peluang-peluang pelaburan dan perniagaan di sana untuk manfaat kedua-dua negeri.

Pada sidang media bersama, Tajol Rosli memberitahu wartawan tempatan bahawa Malaysia tidak bertoleransi dengan keganasan dan Malaysia bukan tempat selamat untuk pengganas berlindung.

"Kami sudah lama memerangi keganasan sehingga sekarang. Tetapi keganasan berlaku di mana-mana sahaja... di Amerika Syarikat, Eropah, malah di India," katanya sebagai mengulas pertanyaan mengenai keadaan keselamatan di Malaysia.

Tajol Rosli juga menafikan bahawa Malaysia merupakan pusat bagi VCD cetak rompak sambil berkata bahawa negara mempunyai undang-undang cetak rompak yang tegas.

"Kerajaan serius dalam tindakannya. Dalam masa yang sama, pengeluar VCD asli mesti memainkan peranan masing-masing dengan mengurangkan harga kerana ia akan menggalakkan pengguna membeli VCD asli," katanya.

Inamdar juga berkata kegiatan haram itu berlaku di seluruh dunia dengan menyebut bahawa 28 peratus daripada VCD yang dijual di Amerika Syarikat

merupakan produk cetak rompak.
-- BERNAMA
AR AHH LAT